



BORANG PENDAFTARAN KELAS AL-QURAN & FARDHU AIN (KAFA)

MASJID UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG KAMPUS GAMBANG

ARAHAN:

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar ke Pejabat Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), UMP Gambang
2. Sila sertakan bersama-sama dokumen berikut :
 - a) Salinan Kad Pengenalan anak

Gambar

BAHAGIAN A: MAKLUMAT ANAK

1. Nama : _____
2. No Kad Pengenalan : _____
3. Tarikh Lahir : _____
4. No. Sijil Kelahiran : _____
5. Umur (2022): _____
6. Sekolah (2022) : _____
7. Sila nyatakan masalah kesihatan anak (jika ada) : _____

BAHAGIAN B : MAKLUMAT IBU/ BAPA/ PENJAGA

1. Nama Bapa : _____
2. No Kad Pengenalan : _____
3. Alamat : _____

4. Pekerjaan : _____
5. Umur : _____
6. No. Tel.: (R) _____ (P) _____ (HP) _____
7. Nama Ibu : _____
8. No Kad Pengenalan : _____
9. Alamat : _____

10. Pekerjaan : _____
11. Umur : _____
12. No. Tel.: (R) _____ (P) _____ (HP) _____

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Saya mengaku pihak pengurusan PIMPIN berhak untuk menamatkan sesi persekolahan anak saya berkuat kuasa serta merta tanpa membayar ganti rugi sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan adalah tidak benar. Saya juga telah membaca dan memahami peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan PIMPIN, UMP seperti di lampiran A (Lampiran A ini untuk rujukan ibubapa/penjaga sahaja, tidak perlu dihantar bersama ketika pendaftaran).

Tandatangan: _____

Nama: _____

Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Pejabat KAFA PIMPIN :

- Pakej yang dipilih :

- Minum Pagi sebulan (RM 50)
- Insurans setahun (RM 35)
- Transit dan makan tengahari sebulan (RM 150)
- Van sebulan (RM 50)

- Lain-lain bayaran : _____ RM

- Jumlah bayaran keseluruhan (termasuk tahunan/buku dan lain-lain): RM

LAMPIRAN A

PERATURAN - PERATURAN KAFA UMP

1. Murid digalakkan datang awal dan berada awal 10 minit sebelum sesi kelas bermula. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) akan bermula pada :

TAHUN	MASA	HARI
Tahun 1 & 2	8.30 Pagi – 11.30 Pagi	Isnin – Jumaat
Tahun 3, 4 & 5	2.30 Petang – 5.00 Petang	Isnin – Khamis
	2.45 Petang – 5.00 Petang	Jumaat

2. Murid wajib hadir ke kelas setiap hari. Jika terdapat keuzuran atau sebarang aktiviti di Sekolah Kebangsaan, salinan sijil cuti sakit (MC) atau surat makluman hendaklah diberikan kepada pihak pengurusan KAFA PIMPIN.
3. Bagi Kelas sesi pagi, pelajar akan melaksanakan Solat Dhuha manakala kelas sesi petang akan solat Asar secara berjemaah di Masjid UMP.
4. Murid yang ingin keluar atau pulang awal perlulah mendapatkan keizinan guru kelas. Sekiranya ada terlibat dengan aktiviti di sekolah kebangsaan maka perlulah ditunjukkan surat makluman. Murid dilarang keluar dari kawasan kelas/ masjid ketika waktu persekolohan tanpa sebarang keizinan.
5. Waktu murid dilepaskan keluar adalah mengikut keperluan dan budi bicara guru kelas.
6. Murid yang dilepaskan keluar hendaklah terus bergerak ke tempat tujuannya dan dilarang bermain dan membuat bising dalam kawasan kelas/ masjid.
7. Setiap hari Isnin akan diadakan perhimpunan murid. Semua murid perlu terlibat dalam perhimpunan ini. Semua murid perlu beratur dengan lurus dan mematuhi arahan guru.

8. Pejabat Pentadbiran PIMPIN dan kawasan kelas lain adalah kawasan larangan bagi murid ketika waktu pembelajaran. Dilarang murid masuk kedalamnya tanpa keizinan guru.
9. Murid dilarang makan didalam kelas. Murid perlu menjaga kebersihan kawasan kelas dan masjid. Murid dilarang membuang plastik sampah mahupun sisa makan bertaburan. Segala sampah sarap perlu dibuang dalam bakul sampah yang disediakan.

PAKAIAN MURID



1. Murid lelaki memakai pakaian baju kurta berwarna biru muda, berseluar biru gelap, bersongkok, berstokin dan berkasut hitam. Manakala murid perempuan memakai pakaian baju kurung biru muda, kain berwarna biru gelap, bertudung biru muda bersama anak tudung, stokin dan kasut hitam. Bagi murid perempuan yang datang menaiki basikal, dinasihati untuk memakai seluar panjang di dalam kain.
2. Dilarang memakai pakaian luar seperti jaket, sarung tangan dan selainnya tanpa sebarang keperluan kecuali murid yang diizinkan kerana sesuatu sebab seperti demam, sakit dan sebagainya.

3. Semua murid hendaklah mengenakan Lencana Sekolah pada pakaian seragam mereka.
4. Semua murid hendaklah menyusun kasut masing-masing dengan kemas dan teratur di atas rak kasut yang disediakan sebelum masuk ke dalam kelas.
5. Murid-murid hendaklah sentiasa memastikan kekemasan diri dan kebersihan pakaiannya. Dilarang bagi murid lelaki berambut panjang atau mewarnakannya. Dilarang juga menyimpan kuku panjang atau mewarnakannya.

AKADEMIK DAN PENCAPAIAN

1. Kefahaman dan pencapaian akademik murid diukur melalui ujian dan peperiksaan. Murid wajib menduduki dua kali peperiksaan sepanjang tempoh sesi persekolahan setiap tahun..
2. Semua murid yang terlibat dengan ujian dan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak sekolah perlu mematuhi segala peraturan dewan peperiksaan yang digariskan.

ETIKA DI DALAM KELAS

1. Murid hendaklah sentiasa menumpukan perhatian kepada pengajaran guru dalam kelas. Dilarang membuat bising dan bermain ketika guru berada dalam kelas.
2. Murid perlu membawa sendiri kelengkapan alat tulis setiap hari ke kelas. Buku Teks, Buku Tulis dan Buku Rujukan hendaklah ditinggalkan disekolah dan boleh dibawa apabila diberi kebenaran oleh guru.
3. Ketika guru berada dalam kelas, murid hendaklah sentiasa berada di tempat masing-masing dalam keadaan tenang dan baik. Sebarang urusan sama ada untuk pergi ke tandas, dan sebagainya perlulah mendapat keizinan guru. Ibu Bapa atau penjaga yang ingin berjumpa murid ketika waktu kelas perlulah mendapat keizinan guru kelas terlebih dahulu.

4. Murid perlu memberikan kerjasama dengan guru kelas dalam memastikan kelas sentiasa bersih dan tersusun. Dilarang murid mengotorkan kelas dengan membuang sampah merata-rata. Dilarang mengasah pensel dan membuang sampah sarap bukan pada tempatnya.
5. Murid dilarang merosakkan harta benda kelas dan masjid. Dilarang menconteng meja dan dinding. Segala kerosakan harta benda kelas dan masjid yang dirasakan perlu akan dituntut ganti rugi.

KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN

1. Sebarang kecederaan dan kemalangan perlu dilaporkan segera kepada guru yang bertugas. Murid hendaklah sentiasa menjaga dan memelihara diri daripada melakukan perkara yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain.
2. Murid yang demam atau sakit dan tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam kelas hendaklah melaporkannya kepada guru kelas. Murid tersebut akan disuruh berehat ataupun dihantar pulang mengikut keperluan.
3. Murid dilarang bergaduh sesama sendiri. Tindakan mengejek dan menghina sesama sendiri merupakan pencetus kepada pergaduhan dan ia perlulah dielakkan.
4. Murid yang cedera atau berlaku kemalangan yang serius di kelas ketika waktu pembelajaran, akan dikejarkan ke Pusat Kesihatan Universiti mengikut keperluan. Sebarang kos perubatan akan ditanggung oleh pihak ibubapa/ penjaga.

BAHAN DAN KELAKUAN YANG DILARANG

1. Dilarang membawa alatan permainan seperti bola, permainan video, telefon bimbit, kamera, radio, mp3 dan seumpunya tanpa kebenaran guru. Jika murid membawa barang-barang ini, guru akan merampas dan akan diberikan semula melalui ibubapa/ penjaga.
2. Murid juga dilarang membawa alatan tajam yang boleh mencederakan dirinya ataupun orang lain seperti pisau, gunting besi yang tajam, pembaris besi dan seumpamanya. Dilarang juga murid untuk membawa cecair pemadam, alat solek, barang kemas (emas) dan duit yang banyak tanpa keperluan.
3. Dilarang membawa buku atau majalah yang berbentuk hiburan dan humor, ataupun yang berbaur lucu. Sebarang bentuk perbualan lucu, kotor dan perbuatan gangguan seksual terhadap sesama rakan maka pihak pengurusan KAFA akan mengenakan tindakan.

AKHLAK DAN KEPERIBADIAN

1. Murid hendaklah sentiasa mematuhi peraturan sekolah yang ditetapkan. Murid juga perlu mematuhi segala arahan guru sama ada ia melibatkan peraturan ataupun ia bersifat individu, selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran agama.
2. Mendahului memberi salam kepada guru-guru atau orang yang lebih berusia yang ditemui dalam kawasan persekitaran kelas.

HUKUMAN DAN DENDA

1. Semua pelajar KAFA yang melanggar peraturan yang ditetapkan ini berhak dikenakan hukuman ataupun denda mengikut budi bicara pihak pentadbiran ataupun guru.
2. Jenis hukuman adalah berdasarkan budi bicara para guru dan ia adalah bersifat mendidik.

3. Murid yang telah melakukan kesalahan yang besar, maka pihak sekolah akan memanggil ibu bapa penjaga mereka untuk berbincang dan segala hukuman serta tindakan.
4. Harta dan sebarang aset yang dirosakkan atau dimusnahkan oleh pelajar dengan sebab tindakan mereka yang melanggar peraturan dan arahan atau tindakan di luar batasan, maka pihak pengurusan KAFA berhak menuntut ganti rugi.
5. Pelajar yang menghilangkan Buku Teks, Buku Latihan atau Buku Rekod perlu membayar ganti rugi (RM) seperti mana yang ditetapkan oleh pihak pengurusan KAFA.

KEWANGAN

1. Murid yang telah membayar Yuran Sekolah adalah murid yang telah sah berdaftar di KAFA UMP.
2. Kadar bayaran Yuran ini adalah berdasarkan ketetapan dan kelulusan daripada pihak universiti. Semua bayaran yuran murid akan dimasukkan dalam akaun Tabung Amanah KAFA UMP.
3. Murid perlu membayar Yuran Bulanan pada setiap bulan, bermula daripada Januari hinggalah bulan November/ Disember. Selain itu, terdapat juga yuran transit dan van bagi ibubapa/penjaga yang berminat. Kutipan yuran ini akan diuruskan oleh guru kelas murid masing-masing.
4. Setiap bayaran perlulah dipastikan terimaan resitnya. Sebaiknya resit-resit bayaran disimpan. Murid yang didapati mempunyai bayaran yuran tertunggak selama 2 bulan akan diberikan surat dan mereka perlu menyelesaikan baki tunggakan tersebut sebelum membayar yuran yang lain. Jika ibubapa tidak menyelesaikan yuran ini, pihak pengurusan KAFA boleh memberhentikan sesi persekolah KAFA dengan serta merta.

5. Senarai Yuran KAFA dan lain-lain keperluan :

TAHUN 1

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Yuran Tahunan	RM 50.00
2	Buku Teks (7 buah buku)	RM 50.00
3	Buku Latihan (7 buah buku)	RM 35.00
4	Buku Tulis (3 buah buku)	RM 3.00
5	Lencana Sekolah (1 unit)	RM 6.00
6	Buku Rekod Pelajar	RM 6.00
7	Buku Qiraati (6 buah buku)	RM 25.00
8	Yuran Bulanan (Januari)	RM 35.00
9	Bayaran minum pagi (Januari)	RM 50.00
	JUMLAH	RM 260.00

TAHUN 2, 3, 4 & 5 (Yuran ini bagi pelajar lama, pelajar baharu seperti tahun 1 diatas)

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Yuran Tahunan	RM 50.00
2	Buku Teks (7 buah buku)	RM 50.00
3	Buku Latihan (7 buah buku)	RM 35.00

4	Buku Tulis (3 buah buku)	RM 3.00
5	Yuran Bulanan (Januari)	RM 35.00
6	Bayaran minum pagi (Januari) bagi tahun 2	RM 50.00
	JUMLAH	RM 223.00

PAKEJ TAMBAHAN (BAGI IBUBAPA/ PENJAGA YANG BERMINAT)

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Transit dan makan tengahari (bulanan)	RM 150.00
2	Perkhidmatan Van satu hala sahaja iaitu dari KAFA ke SK Gambang atau SK Gambang ke KAFA (bulanan)	RM 50.00
3	Insurans (tahunan)	RM 35.00

- Yuran dan bayaran yang disenaraikan tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan makluman